

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HSM 411/HSM 412 Dokumen-Dokumen Dalam Sejarah Malaysia

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM TIGA PULUH EMPAT [34] HALAMAN.**

Jawab TIGA [3] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Dengan merujuk kepada Dokumen A dan B, jelaskan perbezaan yang nyata di antara tulisan Tengku Said dalam Hikayat Siak dan tulisan Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji dalam Tuhfat Al-Nafis mengenai asal usul Raja Kecil (Kecik).
2. Dengan merujuk kepada surat-surat dalam Dokumen C dan D, jelaskan,
  - [a] Kenapakah isi surat Sultan Husin dan Temenggung yang dihantarkan kepada Raja Benggala dan Pulau Pinang sangat bertentangan dengan isi surat yang mereka kirimkan kepada Yang Dipertuan Muda Riau, pada hal kedua-duanya mengenai hal kemasukan Inggeris ke Singapura?
  - [b] Dengan merujuk kepada Dokumen E, jelaskan kenapakah William Farquhar fikirkan perlu ia menulis kepada Yang Dipertuan Muda Riau tentang kemasukan Inggeris di Singapura?
3. Dengan merujuk kepada perjanjian-perjanjian dalam Dokumen F dan G,
  - [a] Jelaskan pernyataan-pernyataan yang menyatakan bahawa perjanjian-perjanjian di antara British dan Sabah/Brunei merupakan "Treaty of Peace and Commerce".

- [b] Nilaiikan kesan/implikasi secara langsung dari perjanjian-perjanjian tersebut kepada kuasa-kuasa yang terlibat.
4. Dengan merujuk kepada Dokumen H,
- [a] Jelaskan masalah-masalah yang dilihat oleh Frederick Weld sebagai "... and if the spark be once lit, the wild fire runs..."
- [b] Jelaskan cadangan yang dianggap terbaik oleh Frederick Weld tentang dasar pentadbiran British di Negeri-Negeri Melayu.
- [c] Dengan merujuk kepada Dokumen I, Nilaiikan kesan pentadbiran Inggeris ke atas kuasa penghulu-penghulu di Perak.
5. Dengan merujuk kepada tulisan-tulisan di dalam Dokumen J, jelaskan,
- [a] kedudukan raja di mata rakyat.
- [b] langkah-langkah yang perlu diambil oleh orang Melayu untuk menuntut hak mereka. Kenapa?
6. Dengan merujuk kepada statistik dalam Dokumen K, jelaskan,
- [a] Kenaikan bilangan penduduk yang begitu ketara di antara tahun 1921 dan 1931 di semua negeri di Tanah Melayu dan Negeri-Negeri Selat.
- [b] Kenapakah bilangan kaum-kaum tertentu lebih tinggi di setengah-setengah negeri dari yang lainnya.
- [c] Kenapakah peratus kenaikan penduduk wanita di semua negeri di Negeri-Negeri Selat, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu jauh melebihi peratus kenaikan penduduk lelaki?

.../DOKUMEN A

.../3

DOKUMEN A

(Dipetik daripada Hikayat Siak dirawikan oleh Tengku Said, diselenggarakan oleh Muhammad Yusoff Hashim, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, ms. 113-116).

**Asal Usul Raja Kecil (Kecik)**

Hatta, tersebutlah perkataan Encik Pung. Setelah sudah hendak beranak. Maka disorokkan oleh Laksamana. Sampailah sudah, berputera seorang laki-laki, terlalu baik parasnya. Waktu sudah keluar baginda itu, maka disuruh larikan oleh Encik Pung. Dia tiada mahu memandang puteranya itu, teringat akan sumpahnya dengan Bendahara. Dan Laksamana mencari orang yang boleh menyusui, yang boleh menanggung rahsia. Dari kepada itu, Laksamana mencari akal, hendak melepaskan anak raja itu, keluar Negeri Johor itu. Dan Laksamana pun pergi ke Selat Singapura, mendapatkan Raja Negara Selat. Dan Laksamana pun pergi ke Selat Singapura, mendapatkan Raja Negara Selat. Dan Laksamana pun berbicara dengan Raja Negara, "Dan bagaimana bicara saudara kita, jikalau ada putera Duli Yang Dipertuan Marhum Mangkat Dijulang mahukah saudara hamba memelihara akan dia? Kerana tuan oleh kita.: Dan Raja Negara pun berkata, "Jikalau jalan kerosakan, sahaya-sahaya sekalian reda juga, oleh sebab tuan kita yang asal." Maka kata Laksamana, "Sahaya mintak hantar akan kepada Temenggung Muar," kerana, Temenggung Muar itu pangkat saudara oleh Laksamana, "Dan, bawaklah surat sahaya."

Setelah itu, Laksamana pun kembali ke Johor. Maka Raja Negara pun datanglah ke Johor, mendapatkah Laksamana. Maka Laksamana pun memberikan anak raja itu dengan yang menyusu dia. Maka Raja Negara pun berlayarlah, lalu masuk Muar, mendapatkan Temenggung Muar, memberikan surat itu. Setelah terbaca, maka Temenggung Muar pun menangis, lalu menyuruh mengambil anak raja itu ke perahu, dipeliharakan Temenggung seperti anaknya sendiri. Dan satu orang pun tiada yang tahunya. Dikatakan anak Raja Negara, diambilnya anak.

Setelah sampai tujuh tahun, maka waktu Temenggung Muar pergi mengadap ke Johor, dibawaknya anak raja itu, dipertemukannya dengan Laksamana. Dan serta sampai Temenggung Muar di Johor kepada Laksamana, maka diambil Laksamana. Dan selama anak raja itu di Johor, sehari-hari ia pergi bermain / di makam paduka ayahanda di Kota Tinggi. Dan segala budak-budak mengikut pergi. Serta samkpai di makam itu, anak raja itu makan rumput, dan budak-budak lain hendak mengikut, semuanya muntah akan darah. Menjadi lahirlah khabar itu. Maka kedengaranlah kepada Yang Dipertuan Muda,

orang menyembahkan, ada budak, rupanya bagaimana pinang dibelah dua dengan paduka marhum yang mangkat. Dan segala budak-budak hendak mengikut, tiada boleh naik ke atas makam itu, sakit, muntah akan darah. Dan Yamtuan Muda pun menyuruh mencari budak itu.

Maka kedengaranlah kepada Laksamana, mengatakan hal anak raja itu, sudah diketahui orang. Maka Laksamana mufakat dengan Raja Negara, mengatakan hal anak raja itu, sudah diketahui oleh Yamtuan Muda. "Baiklah kita suruh larikan. Jikalau saudara kita, Temenggung Muar, membawak ke Muar, nescaya tahu juga orang, kerana anak raja itu sudah dikenal orang."

Maka Temenggung Muar pun menyerah akan bicara kepada Laksamana. Maka Laksamana pun mencari orang yang boleh membawak anak raja itu. Dan ada nakhoda, orang Minangkabau, Nakhoda Malim namanya, bersahabat dengan Laksamana. (Maka Laksamana pun) fikir. "Baiklah aku beri akan anak raja ini, boleh dibawaknya." Maka Laksamana pun lalu memanggil Nakhoda Malim. Dan Laksamana pun perkhobar kepada Nakhoda Malim, mengatakan segala rahsianya dan ceritanya, (bahawa) anak raja itulah putera Marhum Mangkat Dijulang. / "Dan anak raja inilah, sahaya mintak, tolong peliharakan baik-baik. Dengan mudah-mudahan, Allah Taala beri, dapat beruntunglah nakhoda." Dan Nakhoda Malim pun terlalu suka. Maka Nakhoda Malim pun menerimalah bicara.

Maka Nakhoda Malim pun bersiap perahu. Setelah siap itu perahu, maka anak raja itu pun diambil oleh Nakhoda Malim dan lalu dibawaknya berlayar masuk Negeri Jambi. Maka Nakhoda Malim memanggil nama(nya). Tuan Bujang Dan Nakhoda Malim itu orang Pagaruyung. Tiada berapa lama di Jambi, Nakhoda Malim pun naik ke Pagaruyung. Dan Tuan Bujang pun dibawaknya oleh Nakhoda Malim, dibuat seperti anaknya.

Dan tiada berapa lamanya, maka sampailah ke Pagaruyung. Dan Nakhoda Malim pun pergi mengadap Yamtuan Sakti, bersama-sama dengan Tuan Bujang. Serta sampai, lalu menyembah Yamtuan Sakti. Maka baginda pun bertitah. "Sudah lamalah [sudah] engkau pergi ke lahut. Dan ini, anak siapa yang engkau bawak ini? Terlalu baik sikapnya, seperti anak raja-raja rupanya." Dan Nakhoda Malim pun datanglah menyembah akan hal-ehwalnya asal Tuan Bujang itu, anak raja, putera oleh paduka adinda Yang Dipertuan Johor. Akan ayahanda baginda, dibunuh oleh Bendahara.

Setelah didengar oleh Yamtuan Sakti akan kata Nakhoda Malim itu, maka terlalulah sangat sukacita baginda, lalu dipintaknya kepada Nakhoda Malim. Maka sembah Nakhoda Malim, "Sepatut-patutlah tuanku memelihara paduka anakanda ini," lalu dibawaknya mengadap paduka bonda baginda / Puteri Jilan. Maka Puteri Jilan terlalu sukacita melihat cunda baginda datang itu, kerana Puteri Jilan terus mata akan Tuan

Bujang itu, putera Raja Johor. Maka Puteri Jilan bertitah kepada paduka anakanada Yang Dipertuan Sakti, "Dan seperti Si Buyung ini, sangat bertuahnya, peliharakan baik-baik, kerana terlalu kesihan aku akan dia, kerana tiada bapaknya. Dan dialah yang membalaskan kematian ayahnya."

Maka diamlah ia di Pagaruyung. Dan sehari-hari ia naik bermain-main ke atas peterakna itu. Maka dilarangkan oleh dayang-dayang, takut ia tulah. Maka kata Puteri Jilan, "Jangan dilarangkan Si Buyung itu, ia hendak, melihat makhotanya. Ialah yang warisnya, dan tiada ia tulah kerana ia anak adikku, di Johor." Dan bermainlah ia bersama-sama dengan anak Yamtuan Sakti.

Dan Tuan Bujang pun sampailah umur tiga belas tahun. Maka Tuan Bujang pun mintak pergi ke Batanghari, hendak mencari ilmu. Maka dilepas akan Puteri Jilan. Maka Tuan Bujang pun turunlah, menumpang orang Minangkabau, orang Pagaruyung. Dan berjalan sampai ke Tambang, dan lalu ke Limun, Batanghari. Serta sampai di situ, maka Tuan Bujang pun hendak pergi ke Rawas, hulu Palembang. Dan Tuan Bujangpun sampailah ke Rawas, lalu hilir ke Palembang. Dan Tuan Bujang datang mengadap Sultan Lema Abang dan bertemu dengan Sultan Lema Abang lalu Tuan Bujang berdatang / sembah, hendak berhamba akan dirinya mengula.

Maka Sultan Lema Abang pun terlalu sukacita melihat sikap Tuan Bujang itu. Maka dipeliharakan sultan. Jika sultan berjalan atau dihadap orang, akan Tuan Bujang membawak tepak. Dan selama Tuan Bujang membawak tepak, sultan tiada boleh duduk di atas, kegatalan pantatnya; jikalau berjalan dahulu, sultan tiada terjalan, seperti ada orang memegangkan. Dan Sultan Lema Abang pun hairan, lalu bertitah, "Selama budak ini membawak 32 tepakku ini, tiadalah sedap tubuhku, sakit sahaja."

DOKUMEN B

(Dipetik daripada Tuhfat Al-Nafis, Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji, ed. Virginia Matheson, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1982, ms. 16-21).

**Raja-raja Siak dan  
Silsilah Mereka**

Fasal pada menyatakan silsilah Raja Melayu yang di sebelah Pulau Siak.

Bermula adalah Raja Melayu yang disebelah Siak pada masa Marhum Abdul Jalil Raja Johor yang keturunan daripada Bendahara Tun Habib itu, maka iaitu mula-mulanya bernama Raja Kecil yang gelaran daripada Pagar Ruyung Yang Dipertuan Raja Kecil. Maka Raja Kecil ini asal kejadiannya itu banyaklah ikhtilaf bersalahan-salahan setengah-tengah silsilah dan siarah. Adapun tersebut di dalam sejarah sebelah Siak asal Raja Kecil itu anak Marhum Mangkat Dijulang yang terbunuh di Kota Tinggi oleh Megat Seri Rama, maknya bernama Encik Pong anak Laksamana. Maka tatkala baginda itu hampir mangkat, maka Encik Pong itupun makan mani baginda itu konon, waktu baginda itu datang berahikan isterinya peri, maka terpancarlah mani baginda itu. Lalu disuruhnya makan kepada Encik Pong itu. Maka jadilah Encik Pong bunting konon.

Adalah setengah kaul sejarah mengatakan tatkala mangkat baginda itu zakarnya berdiri, maka tiada berani orang menanam baginda itu. Maka musyawarahlah segala orang besarnya apa sebab pekerjaanitu, sangat ajaib. Maka kata daripada isi istana adalah baginda itu tengah berahikan Encik Pong, maka baginda pun mangkat. , Maka takbir segala orang besar-besar itu, baginda itu takut tiada meninggalkan anak cucu yang bangsa daripadanya. Maka disuruhkan orang besar-besar itu akan Encik Pong itu setubuh dengan baginda itu. Maka apabila selesai baharulah rebah zakar baginda itu. Maka Encik Pong pun buntinglah konon. Dan tersebut di dalam sejarah yang lain pula pada pihak Trengganu, adalah Encik Pong itu dipakai oleh baginda sudah bunting memang konon.

Waktu baginda mangkat orang-orang tengah bergaduh-gaduhkan hal baginda itu. Maka Encik Pong pun dilarikan oleh seorang yang bernama Panglima Bebas, dibawanya ke Pagar Ruyung kepada Puteri Janilan lalu Encik Pong itu beranak laki-laki. Maka diambil oleh Puteri Janilan dibuatnya anak angkat. Apabila ia telah besar dilepaskannya ia mengembara ke Palembang dan ke Johor dan ke bangsa Kota dan ke Siantan

.../7

dan ke Batu Bahara dan ke Siak di Bukit Batu dan berniaga ke Melaka dan lainnya pada tempat. Waktu ia mengembara itu bernama Tun Bujang, dan waktu di Pagar Ruyung jadi anak angkat Puteri Janilan, dipanggil Puteri Janilan, si Buyung. Tatkala ia telah balik dari mengembara itu digelar pula oleh Puteri Janilan, Raja Beralih.

Kemudian akhir-akhirnya konon dipukulkan nobat oleh Puteri Janilan serta Yamtuan Sakti, disuruh bersandar di tiang jelatang diletakkan mahkota pada kepalanya, tiadalah satu apa konon, itulah ujiannya yang sah anak Marhum Mangkat Dijulang konon. Maka lalulah diberi nama pula oleh Yamtuan Sakti, Raja Kecil, lalu disuruhnya turun ke Pasisiran Laut pihak Bengkalis dan Bukit Batu, serta diberinya pedang kebesaran yang bernama 'Sapu Rajab' serta diberinya pula satu cap di dalam itu sahlah anak Marhum Mangkat Dijulang konon. Maka mengikutlah segala orang Minangkabau Pasisiran Laut itu seperti Bengkalis, dan Siak, dan Batu Bahara dan lainnya. Maka mendapatlah ia kuasa baharulah ia melanggar Johor, seperti yang akan datang cetranya itu pada bab yang kedua bicara siarah Raja-raja Melayu Johor dan Siak dan Bugis.

Syahadan Yang Dipertuan Raja Kecil inilah kerajaan di negeri Siak dan adalah ia dua orang anak laki-laki, yang tuanya bernama Raja Alam, ibunya anak Dipati Batu Kucing. Tatkala ia mengembara mendapatlah ia anak yang bernama Raja Alam itu, setengah sejarah namanya Raja Rabbiul Alam. Kedua anaknya bernama Tengku Mahmud, timang-timangannya Raja Buang. Adalah bondanya Tengku Kamariah putera Marhum Abdul Jalil, tatkala Johor dialahkannya dan Tengku Kamariah itulah dibuatnya isteri. Syahadan adalah anaknya Raja Alam itu dijadikannya Raja Muda dan anaknya Tengku Mahmud itu menjadi gantinya Yang Dipertuan Besar. Maka lalulah ia berperang adik beradik. Kemudian apabila Raja Kecil telah mati berpindah-pindahlah kerajaannya antara anak cucunya dengan berambil-ambilan kerajaan, setengah atas setengahnya, intiha mulakhkhasan.

Syahadan adalah Tengku Mahmud Raja Buang itu bergelar Sultan Mahmud Syah. Maka ia beristerikan anak Dahing Matekkuh mendapat anak bernama Raja Ismail, dan seorang lagi bernama Raja Daud, inilah anak yang gahara. Bermula anaknya yang lain daripada itu, iaitu pertama Raja Abdullah namanya, kedua Raja Abdul Rahman namanya, ketiga Raja Musa, keempat Raja Kamat, kelima Raja Baki, keenam Raja Husin, ketujuh Raja Yusuf, kedelapan Raja Muhammad, kesembilan Raja Busu, kesepuluh Raja Hasan, kesebelas Raja Taib, kedua belas Raja Yasin. Adapun yang perempuan daripada anaknya itu iaitu pertama Tengku Ambung, kedua Tengku Salihah, ketiga Tengku Cakera keempat Tengku Hitam, kelima Tengku Halimah, demikianlah barang yang telah aku dapat di dalam beberapa sejarah dan siarah adanya.

Sebermula adapun Raja Ismail putera Sultan Mahmud itu maka ia beranakkan Tengku Yahya timang-timangannya Tengku Sulung, kedua Tengku Abdul Rahman, ketiga Tengku Salih. Adapun yang perempuannya pertama Tengku Sadiyah, kedua Tengku Aisyah dan ketiga Tengku Bijah, keempat Tengku Badariah, kelima Tengku Kamariah, keenam Tengku Safiah, ketujuh Tengku Zainab, kedelapan Tengku Puteri, iaitu anaknya dengan anak Raja Trengganu.

Sebermula adapun putera Raja Kecil yang bernama Raja Alam anak yang tua sekali, ialah Yang Dipertuan Muda di dalam lagi masa ia hidup adalah mengadakan anak, adalah isterinya anak raja Bugis anak Opu Dahing Parani yang di Siantan, bernama Dahing Khadijah. Adalah ia mengadakan anak antara keduanya, iaitu pertama Tengku Badariah namanya, ialah jadi isteri Saiyid Othman bangsanya bin Syahab, dan ialah beranakkan Saiyid Ali yang menjadi Yang Dipertuan Siak yang akhir tatkala habis anak cucu raja Melayu yang disebelah Siak bertaburan segenap negeri-negeri dialahkannya. Kedua putra Yamtuan Muda Raja Alam itu Tengku Hawa, ketiga Tengku Sukma, keempat Tengku Emas Ayu. Syahadan adapun anak Yamtuan Raja Alam yang lain daripada itu yang laki-lakinya, pertama Raja Muhammad Ali jadi Yamtuan Muda yang kedua di dalam negeri Siak, kedua Raja Akil yang mati dibunuh orang kecil di dalam Selat Bulang masa kerajaan Sultan Mahmud Raja Buang saudara Raja Alam itu intiha.

Syahadan kata sahibul hikayat adapun yang mula-mula menjadi raja di dalam Siak, iaitu Raja Kecil. Apabila mangkat Raja Kecil menggantikan kerajaannya anaknya yang bernama Sultan Mahmud Raja Buang. Maka pada masa kerajaan dialah negeri Siak diduduki oleh Belanda di Pulau Gontong. Kemudian Sultan Mahmud keluar pula pergi merompak mengadang kapal-kapal pergi berdagang di Sanglar. Maka marah pula Belanda maka lalulah dilanggarnya pula Siak itu semula. Oleh Sultan Mahmud itu ditipunya Belanda itu, lalu diamuknya. Maka Belanda pun alah balik ke Melaka.

Maka tiada berapa antaranya maka Sultan Mahmud pun mangkatlah di dalam Siak. Maka menggantikan kerajaannya anaknya yang bernama Raja Ismail, dan Yang Dipertuan Mudanya Raja Muhammad Ali anak Raja Alam dan Raja Alam sudah keluar mengembara mencari kuasa sebab ia alah berperang dengan saudaranya Sultan Mahmud itu masa lagi hidup Raja Kecil. Permulaan perangnya apabila Raja Kecil sudah mati, maka alahlah pula saudaranya Sultan Mahmud itu lalu membawa dirinya ke Riau kepada Sultan Sulaiman, kerana Sultan Sulaiman itu ayah saudaranya minta tolong. Maka ditolong oleh Sultan Sulaiman, maka alah pula Raja Alam itu keluarlah mengembara segenap negeri orang hingga sampai ke Matan. Syahadan apabila sudah mangkat saudaranya, iaitu Sultan Mahmud Syah, maka menggantikan kerajaannya anaknya pula, iaitu Yamtuan Raja Ismail.



Maka apabila didengar oleh Raja Alam anak saudaranya itu menjadi raja, maka datanglah Raja Alam itu bersama-sama Belanda Melaka melanggar Siak itu. Maka Yamtuan Raja Ismail pun alahlah pula, keluarlah dari Siak mengembara segenap negeri-negeri orang ke Palembang dan ke Siantan dan ke Mempawah dan ke Trengganu menbncari kuasa. Adapun negeri Siak Raja Alamlah menjadi raja di situ dan anaknya Yamtuan Muda Muhammad Ali menjadi Yamtuan Muda pula. Maka tiada berapa lamanya maka mangkatlah Yang Dipertuan Raja Alam itu di dalam negeri Siak adanya.

Syahadan kata sahibul hikayat apabila Yang Dipertuan Raja Ismail mendengar khabar ayah saudaranya sudah hilang itu maka ia pun datang pula melanggar Siak. Maka alahlah pula Siak itu dan Yamtuan Raja Ismail kerajaanlah di situ. Maka tiada berapa antaranya maka mangkatlah pula Yamtuan Raja Ismail itu. Maka menggantikan kerajaannya puteranya yang bernama Raja Yahya, timang-timangannya Tengku Sulung, dan Yamtuan Muda Muhammad Ali tiada dipecatnya sekadar menjadi raja tua-tua sahajalah pada masnya. Maka ada pula saudaranya diperbuatnya Yang Dipertuan Muda. Maka di dalam hal itu Saiyid Ali bin Othman bangsa bin Syahab, iaitu cucu Raja Alam, anak Tengku Badariah itu maka ditipunya pula Yamtuan Raja Yahya itu lalu dilanggarnya negeri Siak itu. Maka alahlah pula Yamtuan Raja Yahya itu, bertaburan keluar dari negeri Siak itu dengan anak isterinya serta Raja Mudanya serta anak raja-raja mana-mana yang kasih akan dia. Lalu membawa dirinya ke negeri Lingga kepada baginda Sultan Mahmud putera Marhum Abdul Jalil, putera Marhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, minta perbantuan. Maka tiada satu jawab Sultan Mahmud itu. Maka duduklah Yamtuan Yahya itu di Lingga dengan segala sanak saudaranya beberapa masa dan ketika. Maka tiada berapa lamanya maka keluar pula ia mengembara segenap negeri orang. Adapun segala sanak saudaranya yang bersama-sama keluar dengan dia, bertaburanlah. Ada yang bersama-sama dengan dia, ada yang ditinggalkannya di dalam Lingga, ada yang di Belitung, ada yang ke Mempawah, dan ke Pontianak. Adapun Yamtuan Raja Yahya pergi ke Trengganu, lalu ke Kemaman. Maka tiada berapa lamanya di situ, maka ia pun mangkatlah di dalam Kemaman. Maka inilah akhirul umur putus kerajaan raja-raja Siak yang keturunan daripada raja-raja Melayu, berpindahlah pula kerajaan negeri Siak itu kepada bangsa Arab lagi Quraisy, lagi Saiyid bangsa bin syahab, iaitu Saiyid Ali, hanyalah tinggal sebelah bondanya sahaja yang terkena kepada Yamtuan Raja Kecil itu. Maka sekarang anak cucu Saiyid Alilah kerajaan di dalam negeri Siak hingga sampai masa membuat silsilah ini dan siarah ini adanya.

DOKUMEN C

Miscellaneous Papers and Letters, Niemann 23.

## Surat

6

Ini salinan surat Sultan Husin dan Temenggung, kirim kepada Raja Benggala dan Pulau Pinang.

Syahadan maka adalah kita menyatakan kepada sahabat kita Tuan Mejar William Farquhar yang memerintah negeri Inggeris, iaitu Singapura, memeriksa kepada kita, ada atau tiada berkirim surat kepada Raja Belanda di Melaka, atau kepada orang yang di bawah perintah Melaka, atau kepada Yang Dipertuan Muda Riau, yang mengatakan orang Inggeris membuat loji di Singapura tiada dengan sesuka hati kita melainkan dengan kekerasan orang Inggeris juga. Maka sebenarnya kita ada berkirim surat sepucuk ke Melaka kepada Tuan Adringkab (?) dan sepucuk kepada Yang Dipertuan Muda Riau mengatakan orang Inggeris datang membuat loji di Singapura dengan dikerasnya, tiada dengan sesuka hati kita. Maka sebabpun kita sebutkan dalam surat kita demikian itu kerana kita takut akan disiksa Belanda kepada kita kemudian hari. Akan tetapi dengan sesungguhnya di dalam hati kita Allah dan nabi Muhammad saksi kita. Dengan kerana Allah Inggeris membuat loji di Singapura. Itu dengan muka cuci, putih hati kita menerima kompeni Inggeris duduk serta membuat loji di Singapura, itu tiada disyak lagi. Syahadan daripada itu tetekala sampai sahabat kita Tuan Sir Thomas Stamford Raffles di Kuala negeri Singapura itu, maka ia hendak menaikkan orangnya dan barang-barangnya sekaliannya itu dengan kita punya izin dan Tuan Sultan Husin Muhammad Syah. Maka baharulah dinaikannya orang dan barang-barangnya sebab sungguh dengan sebenarnya seperti perkataan kita ini. Maka adalah kita menurunkan cap kita kedua di atas kertas ini di dalam negeri Singapura, adanya. Tersurat kepada sehari bulan Mac tahun 1819, iaitu kepada lima haribulan Jemadil Awal 1234.

.../DOKUMEN D

DOKUMEN D

Surat

7

Ini copy surat Temenggung Singapura kirim kepada Yang Dipertuan Muda Riau.

Sembah khidmat al'ta'dhim wal'takrim di 'inayatil-Lahi Rabbil Rahim, iaitu daripada Paduka anakanda Tok Temenggung yang ada terhenti di dalam Singapura, barang disampaikan Allah Subhanahu wa Ta'ala apalah kiranya kepada Paduka ayahanda Yang Dipertuan Muda yang dipeliharakan Allah fid-din wad-dunia wal-akhir [ah]. Amin ya Rabbal 'Alamin. Wa ba'dahu. Daripada itu barang maklum kiranya paduka ayahanda adalah paduka anakanda memaklumkan menteri (?) Raffles nama orang besarnya. Maka datang ia ke Singapura serta dengan Raja Melakanya. Master (?) Raffles tinggal di Singapura. Maka dikejutnya (?) sahaja. Paduka anakanda sekali-kali tidak setahu dan tidak sesuka dengan paduka anakanda datang dikejutnya (?). Jadi tidaklah anakanda dapat berilah lagi dia hendak duduk di Singapura, serta lalulah ia menaikkan seldadunya dan barang-barangnya. Jadi anakanda tidaklah terkata-kata lagi, mana sependai dialah, maka dikerasinya, dijadikannya raja serta digelar sultan Husin. Maka diberatinya atas anakanda. Jadi tidaklah dapat anakanda dapat mengilak lagi. Itulah adanya anakanda maklumkan kepada paduka ayahanda, adanya serta diberinya dengan capnya sekali oleh Raffles itu kepada anakanda Tengku Long, adanya. Maka katanya dialah hendak membuat loji membuat apa-apa di Singapura. Itulah adanya. Di dalam antara itu paduka anakanda Tengku Long pun datang ke Singapura. Maka sebab anakanda itu datang kerana dia mendengar khabar Raja Embung mengatakan kapal banyak di Singapura. Maka dia datang hendak mengambil anaknya serta sampai anakanda itu ke Singapura. Maka berjumpa dengan Raffles serta berjumpa, maka dipegangkannya.

.../DOKUMEN E

DOKUMEN E

Surat

8

Ini surat copy kirim kepada Yang Dipertuan Muda Riau.

Waba'dahu. Daripada itu barang maklum kiranya sahabat kita akan hal surat daripada sahabat kita itu telah selamatlah sampai kepada kita. Barang yang termazkur dalamnya telah mafhumlah kita sekaliannya. Syahadan daripada itu akan hal kita dengan sahabat kita, sekali-kali tiada jauh hati atau menaruh syak dan waham melainkan bagaimana selama-lamanya jua, tiada berubah sedikit juapun, dan sebagai lagi yang sebenar-benarnya kompeni Inggeris berkehendak dan bermaksud akan tanah jajahan negeri Johor dan Pahang. Ini sebab hendak buat tempat berniaga serta menjaga segala kapal-kapal Inggeris yang pergi datang berniaga ke sebelah timur ini. Syahadan daripada itu hal kita dapat perintah daripada tuan besar yang memerintah negeri Benggala suruh duduk menjaga loji serta memerintahkan atas seldadu dan segala orang yang di bawah perintah m[sic]endera kompeni Inggeris dan seperti sudah sahabat kita yang kepada Tuan Sir Thomas Raffles itu boleh kita tolong kirimkan ke Pulau Pinang, adanya. Terkarang surat ini di dalam negeri Singapura kepada 16 haribulan Rabi'ul Akhir sanat 1234.

.../DOKUMEN F

DOKUMEN F

**SABAH TREATY of 18 December, 1846**

**Borneo Treaty of Friendship and Alliance**

A treaty of friendship and alliance between Her Majesty Victoria Queen of Great Britain and Ireland and His Highness the Sultan of Borneo concluded on the eighteenth day of December eighteen hundred and forty six corresponding to the 28th day of Disubbadji 1262 in the year of the Hegira by the above sultan and by the chief minister of state Pungeran Mumein on behalf of his Highness, and by Captain G. Rodney Mundy, commanding Her Majesty's squadron on the coast of Borneo proper, vested with full powers thereto by His Excellency Rear Admiral Sir Thomas Cochrance, C.B. commander in chief of Her Majesty's naval forces in India and the China seas on behalf of Her Majesty, Queen of Great Britain and Ireland.

I

Peace, friendship and good understanding shall subsist forever between Her Majesty the Queen of Great Britain and Ireland and His Highness the Sultan of Borneo Proper and their respective heirs and successors.

II

His Highness the Sultan hereby cedes in full sovereignty and property to Her Majesty the Queen of Great Britain and Ireland Her heirs and successors forever the Island of Labuan and its dependencies, the islets adjacent thereto.

III

The government of Her Majesty the Queen of Great Britain and Ireland hereby engages in the consideration of the cession above specified to use its best endeavours to suppress piracy and to protect lawful commerce, and the Sultan of Borneo and His ministers promise to afford every assistance to the British authorities.

Done and concluded at Borneo the day and year above written.

Signature

S.G. RODNEY MUNDY

Seal of

OMAR ALLI SEEFE-DIN  
Sultan of Borneo (Brunei)

.../DOKUMEN G

DOKUMEN G

**BRITISH-BRUNEI TREATY of 27 May, 1847**

**Treaty of Friendship and Commerce between  
Her Majesty and the Sultan of Brunei**

Treaty of Friendship and Commerce between Her Majesty and the Sultan of Borneo. Signed, in the English and Malay Languages, May 27th, 1847.

Her Majesty the Queen of the United Kingdom of Great Britain and Ireland being desirous to encourage commerce between Her Majesty's subjects and the subjects of the independent Princes of the Eastern Seas, and to put an end to piracies which have hitherto obstructed that commerce; and His Highness Omar Ali Saifadeen, who sits upon the throne and rules the territories of Borneo, being animated by corresponding dispositions, and being desirous to co-operate in any measures which may be necessary for the attainment of the above-mentioned which may be necessary for the attainment of the above-mentioned objects. Her said Britannic Majesty and the Sultan of Borneo have agreed to record their determination in these respects by a Convention containing the following Articles:

**Article i**

Peace, friendship, and good understanding shall from henceforward and for ever subsist between Her Majesty the Queen of Great Britain and Ireland and His Highness Omar Ali Saifadeen, Sultan of Borneo, and between Their respective heirs and successors, and subjects.

**Article ii**

The subjects of Her Britannic Majesty shall have full liberty to enter into, reside in, trade with, and pass with their merchandize through all parts of the dominions of His Highness the Sultan of Borneo, and they shall enjoy therein all the privileges and advantages with respect to commerce, or otherwise, which are now or which may hereafter be granted to the subjects of citizens of the most favoured nation; and the subjects of High Highness the Sultan of Borneo shall in like manner be at liberty to enter into, reside in, trade with, and pass with their merchandize through all parts of Her Britannic Majesty's dominions in Europe and Asia as freely as the subjects of the most favoured nation, and they shall enjoy in those dominions all the privileges and

advantages with respect to commerce or otherwise, which are now or which may hereafter be granted therein to the subjects or citizens of the most favoured nation.

### Article iii

British subjects shall be permitted to purchase, rent, or occupy, or in any other legal way to acquire, all kinds of property within the dominions of His Highness the Sultan of Borneo; and His Highness engages that such British subjects shall, as far as lies in his power within his dominions, enjoy full and complete protection and security for themselves and for any property which they may so acquire in future, or which they may have acquired already, before the date of the present Convention.

### Article iv

No article whatever shall be prohibited from being imported into or exported from the territories of His Highness the Sultan of Borneo; but the trade between the dominions of Her Britannic Majesty and the dominions of His Highness shall be perfectly free, and shall be subject only to the customs duties which may hereafter be in force in regard to such trade.

### Article v

No duty exceeding one dollar per registered ton shall be levied on British vessels entering the ports of His Highness the Sultan of Borneo, and this fixed duty of one dollar per ton to be levied on all British vessels shall be in lieu of all other charges or duties whatsoever. His Highness moreover engages that British trade and British goods shall be exempt from any internal duties, and also from whatever causes, be adopted in the dominions of the Sultan of Borneo.

### Article vi

His Highness the Sultan of Borneo agrees that no duty whatever shall be levied on the exportation from His Highness's dominions of any article the growth, produce, or manufacture of those dominions.

**Artricle vii**

His Highness the Sultan of Borneo engages to permit the ships of war of Her Britannic Majesty, and those of the East India Company, freely to enter into the ports, rivers, and creeks situated within his dominions, and to allow such ships to provide themselves, at a fair and moderate price, with such supplies, stores, and provisions as they may from time to time stand in need of.

**Article viii**

If any vessel under the British flag should be wrecked on the coast of the dominions of His Highness the Sultan of Borneo, His Highness engages to give all the assistance in his power to recover for, and to deliver over to, the owners thereof, all the property which can be saved from such vessels. His Highness further engages to extend to the officers and crew, and to all other persons on board such wrecked vessels, full protection both as to their persons and as to their property.

**Article ix**

Her Majesty the Queen of the United Kingdom of Great Britain and Ireland and the Sultan of Borneo hereby engage to use every means in their power for the suppression of piracy within the seas, straits, and rivers subject to their respective control or influence, and His Highness the Sultan of Borneo engages not to grant either asylum or protection to any persons or vessels engaged in piratical pursuits; and in no case will be permitted ships, slaves or merchandize captured by pirates to be introduced into his dominions, or to be exposed therein for sale. And Her Britannic Majesty claims, and His Highness the Sultan of Borneo concedes to Her Majesty, the right of investing Her officers and other duly-constituted authorities with the power of entering at all times with Her vessels of war, or other vessels duly empowered, the ports, river and creeks within the dominions of His Highness the Sultan of Borneo, in order to capture all vessels engaged in piracy or slave-dealing, and to seize and to reserve for the judgment of the proper authorities all persons offending against the two Contracting Powers in these respects.

**Article x**

It being desirable that British subjects should have some port where they may careen and refit their vessels, and where they may deposit such stores and merchandize as shall be necessary for the carrying on of their trade with the

.../17



dominions of Borneo, His Highness the Sultan hereby confirms the cession already spontaneously made by him in 1845 of the Island of Labuan, situated on the north-west coast of Borneo, together with the adjacent islets of Kuraman, Little Rusukan, Great Rusukan, Da-at, and Malankasan, and all the straits, islets, and seas situated half-way between the fore-mentioned islets and the mainland of Borneo. Likewise the distance of 10 geographical miles from the Island of Labuan to the westward and northward, and from the nearest point half-way between the islet of Malankasan and the mainland of Borneo in a line running north till it intersects in line extended from west to east from a point 10 miles to the northwards of the northern extremity of the Island of Labuan, to be possessed in perpetuity and in full sovereignty by Her Britannic Majesty and Her successors; and in order to avoid occasions of difference which might otherwise arise, His Highness the Sultan engages not to make any similar cession, either of an island or of any settlement on the mainland, in any part of his dominions, to any other nation, or to the subjects or citizens thereof, without the consent of Her Britannic Majesty.

**Article xi**

Her Britannic Majesty being greatly desirous of effecting the total abolition of the Trade in Slaves, His Highness the Sultan of Borneo, in compliance with Her Majesty's wish, engages to suppress all such traffic on the part of his subjects, and to prohibit all persons residing within his dominions, or subject to him, from countenancing or taking any share in such trade; and His Highness further consents that all subjects of His Highness who may be found to be engaged in the Slave Trade may, together with their vessels, be dealt with by the cruisers of Her Britannic Majesty as if such persons and their vessels had been engaged in a piratical undertaking.

**Article xii**

This Treaty shall be ratified, and the ratifications thereof shall be exchanged at Brunei within twelve months after this date.

This 27th day of May, 1847

Signature and seal of  
Seal of

JAMES BROOKE  
SULTAN OF BRUNEI

**ADDITIONAL ARTICLE**

His Highness the Sultan of Borneo agrees that in all cases when a British subject shall be accused of any crime committed in any part of His Highness's dominions, the person so accused shall be exclusively tried and adjudged by the English Counsul-General, or other officer duly appointed for that purpose by Her Britannic Majesty; and in all cases where disputes or differences shall arise between British subjects, or between British subjects and the subjects of any other foreign Power within the dominions of the Sultan of Borneo, Her Britannic Majesty's Consul-General or other duly-appointed officer shall have power to hear and decide the same, without any interference, molestation, or hindrance on the part of any authority of Borneo, either before, during, or after the litigation.

This 27th day of May, 1847.

Signature and seal of

JAMES BROOKE

Seal of

SULTAN OF BRUNEI